

20 APR 2003

Hishammuddin-Mahathir

HENTIKAN USUL YANG TIDAK DAPAT MEMBANTU UMNO - HISHAMMUDDIN

BUTTERWORTH, 20 April (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein meminta semua anggota parti menghentikan bercerita atau mengutarakan usul tertentu yang tidak dapat membantu keutuhan Umno, terutama berhubung keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Cerita atau usul-usul tertentu yang bercanggah dengan realiti, saya rasa ia tidak akan membantu parti dan saya harap ia dapat dihentikan.

"Bagi saya, keputusan Dr Mahathir adalah muktamad dan kita perlu menghormati keputusan itu dan saya berpendapat itulah proses yang kita harus lalui dan jika kita tidak habis-habis memperkatakan isu yang sama, ia tidak sihat bagi parti," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas usul yang dibuat Umno Bahagian Pendang semalam untuk mendesak Umno pusat mengekalkan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno.

Beliau berkata dalam pada Umno menghormati keputusan Dr Mahathir, sokongan anggota kini adalah terhadap timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang telah pun dinamakan Dr Mahathir sebagai penggantinya,

Pergerakan Pemuda Umno tidak akan menyokong tindak tanduk mana-mana pihak dalam Umno membangkitkan isu seperti itu lagi yang boleh menjejaskan perpaduan parti, katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Pemuda Umno Bahagian Tasik Gelugor di Sungai Dua dekat sini.

Hishammuddin menegaskan bahawa sekarang ini bukan masanya untuk berpolitik tetapi masa untuk bekerja bagi memastikan Umno berada dalam barisan yang kukuh semasa berdepan dengan pembangkang pada pilihan raya akan datang.

Beliau dengan itu meminta Pemuda Umno di semua peringkat supaya tidak melayan cerita-cerita berhubung pemilihan atau pengisian jawatan dalam parti kerana keutamaan sekarang ialah untuk memastikan Umno menang dan bukan berebut jawatan.

Selaku Ketua Pemuda, katanya, beliau akan mengenalpasti ketua-ketua penaja Pemuda yang akan dilantik selepas persempadanan semula bahagian-bahagian berdasarkan kebolehan dan kewibawaan mereka.

Beliau meletakkan keperluan dan syarat pemilihan pemimpin itu dari kalangan mereka yang boleh membantu beliau dan parti berdepan dengan pilihan raya selain mampu mengeratkan perpaduan di kalangan anggota Umno.

Pada majlis itu, beliau menerima borang permohonan 100 anggota Pemuda Keadilan Sungai Petani untuk menggangotai pergerakan itu, daripada bekas anggota exco Pemuda Keadilan Sungai Petani Mohamad Rafi Mydin.

-- BERNAMA

NH RON